

24/09/2002

Asem 4 sokong tidak kait keganasan dengan agama

M Thillinadan

COPENHAGEN, Isnin - Pandangan Malaysia supaya dunia melihat punca berlaku keganasan dan tindakan itu tiada kaitan dengan agama Islam mendapat sokongan penuh Mesyuarat Asia Eropah Keempat (Asem 4), di sini hari ini.

Pemimpin Asem sebulat suara menerima Deklarasi Asem Copenhagen Bagi Kerjasama Memerangi Keganasan Antarabangsa yang antara lain mahu punca keganasan turut diambil kira dalam membanteras kegiatan pengganasan antarabangsa, selaras pandangan Malaysia.

Ia membuktikan ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap isu keganasan dan punca serta hubungan kaitnya dengan Islam pada mesyuarat pagi ini mendapat perhatian pemimpin Asia dan Eropah.

Berikutan itu, berdasarkan permintaan Malaysia, pemimpin Asem menerima bahawa punca keganasan perlu diambil kira jika mahu melihat hasil pelbagai usaha membanteras keganasan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang ditemui selepas mesyuarat itu berkata, Dr Mahathir mengambil bahagian secara aktif untuk mendapat sokongan pemimpin Asem mengenai usaha memerangi keganasan.

"Malaysia memastikan pemimpin Asem dalam deklarasi mengenai keganasan menerima pandangan Dr Mahathir bahawa punca keganasan perlu dikaji dan usaha mengaitkannya dengan Islam tidak boleh diterima," katanya.

Deklarasi yang dikeluarkan pada akhir dialog politik pemimpin Asem turut menolak sebarang usaha untuk mengaitkan keganasan dengan mana-mana agama, kaum atau kewarganegaraan.

Pemimpin Asem mengutuk sebarang bentuk keganasan dan menyifatkannya sebagai jenayah yang tiada justifikasi, tidak mengira motif, bentuk atau manifestasi.

"Kami berikrar untuk bersatu membanteras keganasan yang mengancam keamanan, keselamatan, pembangunan ekonomi dan kestabilan politik berpandukan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan undang-undang antarabangsa.

"Perang terhadap keganasan memerlukan pendekatan bersepadu oleh masyarakat antarabangsa merangkumi aspek politik, ekonomi, diplomatik, ketenteraan dan perundangan berdasarkan undang-undang domestik sesuatu negara dengan mengambil kira punca keganasan tetapi tanpa menjadikannya alasan untuk mengganas," kata deklarasi itu.

Pemimpin Asem juga membentuk program jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk memerangi keganasan antarabangsa.